



PEJABAT SETIAUSAHA KEWANGAN NEGERI
SARAWAK

NOTIS SEBUT HARGA

1. Sebut harga adalah dipelawa daripada Pembekal yang berdaftar dengan **Unit Pendaftaran Kontraktor & Juruperunding (UPKJ)** dalam **Kategori dan Jenis Pendaftaran** yang berkaitan serta mempunyai tempoh pendaftaran yang sah untuk membuat tawaran buat masa ini bagi bekalan berikut:-

No. Ruj. Tender	Tajuk Tender	Pendaftaran UPKJ			Yuran Dokumen (RM)	Tarikh Tutup Pengambilan/ Penjualan Dokumen Tender	Tarikh Tutup dan Masa Penyerahan Dokumen Tender
		Jenis Lesen: Bekalan Dan Perkhidmatan					
		Kategori	Kepala	Sub Kepala			
SFS/TONER/02/2026	Sebut Harga Semula Membekal dan Menghantar Toner ke Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak (2026-2027)	B/C	IV	13	10.00	15 April 2026 (Rabu) 4.00 petang	16 April 2026 (Khamis) 12.00 tengah hari

2. Dokumen Sebut Harga hanya akan dijual kepada pemilik atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pemilik/Rakan Kongsi/Pengarah Syarikat. Pemilik atau wakilnya hendaklah mengemukakan **Sijil Asal Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding (UPKJ), Sijil Asal Pengiktirafan Status Bumiputera** (jika berkenaan) dan **Surat Perwakilan Kuasa** (jika berkenaan) sebelum dokumen sebut harga dijual kepada Pembekal yang layak.
3. Contoh Dokumen Sebut Harga boleh disemak dan Dokumen Sebut Harga boleh diperolehi pada tarikh berikut:-

Tarikh Semakan & Penjualan Dokumen Sebut Harga	Masa	Tempat
6 April 2026 (Isnin) sehingga 15 April 2026 (Rabu)	Isnin – Khamis (8.00 pagi – 12.00 tengah hari & 2.00 petang – 4.00 petang)	Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri, Unit Pentadbiran, Bahagian Kewangan dan Pentadbiran, Tingkat 17, Wisma Bapa Malaysia, Petra Jaya, 93502 Kuching, Sarawak
	Jumaat (8.00 pagi – 11.30 pagi & 2.15 petang – 4.00 petang)	

4. Bayaran yuran Dokumen Sebut Harga hendaklah dibuat dalam bentuk **Draf Bank** atau **Kiriman Wang Pos (Money Order)** atau **Wang Kiriman Pos Berpalang (Postal Order)** atau **Aplikasi SPAY GLOBAL (Sarawak Pay)** yang dibayar atas nama Kerajaan Negeri Sarawak.
5. Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan sendiri oleh Pemilik/Wakil Syarikat/Firma ke dalam Peti Tawaran dengan menggunakan **sampul berlakri** serta mempunyai catatan **Nombor dan Tajuk Sebut Harga**. Dokumen Sebut Harga hendaklah diserahkan selewat-lewatnya jam **12.00 tengah hari** pada tarikh tutup di alamat seperti di bawah:-

Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga
d/a Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri
Unit Pentadbiran, Bahagian Kewangan dan Pentadbiran
Tingkat 17, Wisma Bapa Malaysia, Petra Jaya
93502 Kuching
Sarawak

6. Hanya satu borang sebut harga sahaja di dalam satu sampul dan borang sebut harga asal sahaja yang diterima pakai. Dokumen Sebut Harga yang diterima selepas tarikh dan masa tutup tidak akan dipertimbangkan.
7. Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran tersebut.

(NOOR RASYIDAH BINTI ABDULLAH)
b.p. SETIAUSAHA KEWANGAN NEGERI
SARAWAK